BIL	INSTITUT	SYARIKAT
1	JTM	Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS)
2	JTM	Universiti Malaysia Perlis
3	JTM	Intermanpower.com Sdn Bhd
4	JMTI	Elvira Systems Sdn Bhd
5	JMTI	Festo Sdn Berhad
6	ADTEC Kemaman	Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor (KPYPJ)
7	ADTEC Kemaman	Didaktik Engineering Werks Sdn Bhd
8	ADTEC Kemaman	Upstream Downstream Process & Services Sdn Bhd
9	ADTEC Kemaman	MM Matrix Integrity (M) Sdn Bhd
10	ADTEC Kemaman	Feiran Technology Sdn Bhd
11	ADTEC Shah Alam	Mydin Mohamed Holding Berhad
12	ADTEC Jerantut	Universiti Malaysia Pahang
13	ADTEC Kulim	Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC)
14	ILP Kepala Batas	Acson Sales & Services Sdn Bhd
15	ILP Kepala Batas	Topaire Sales & Services Sdn Bhd
16	ILP KL	Spanco Services Sdn Bhd

Jadual 9 : Senarai Syarikat yang turut menjayakan Majlis Penghargaan Rakan Strategik JTM

Selain daripada pertukaran MoU, diadakan juga acara penyampaian Anugerah Rakan Strategik kepada syarikat yang banyak memberi komitmen dan sumbangan dalam meningkatkan kualiti latihan di ILJTM. Syarikat-syarikat tersebut adalah:

1. Mycopter Services Sdn Bhd
2. Cytron Technologies Sdn Bhd
3. Ann Joo Steel Berhad
4. Zs PRO Enterprise
5. Dayang Enterprise Sdn Bhd
6. Wah Wah Electrical Sdn Bhd
7. Uwc Holdings Sdn Bhd



## PENCAPAIAN KERJASAMA STRATEGIK

JTM sentiasa menitikberatkan peranan dan penglibatan pihak industri serta agensi kerajaan dan swasta dalam memperkasakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di ILJTM bagi memastikan sasaran negara untuk menghasilkan 35% tenaga kerja mahir akan tercapai. Ini juga dapat menjadikan negara lebih bersiap siaga dalam menangani cabaran guna tenaga dan berdaya saing pada peringkat nasional serta antarabangsa. Bilangan kolaborasi yang semakin bertambah juga membuktikan kesedaran dan keyakinan pihak industri dan swasta terhadap kepentingan berkolaborasi dengan institusi latihan kemahiran milik kerajaan juga semakin meningkat.

Carta 7 menunjukkan jumlah kerjasama yang dicapai oleh JTM dan ILJTM pada tahun 2018 manakala Jadual 10 menunjukkan Memorandum Persefahaman (MoU)/Perjanjian yang telah ditandatangani di sepanjang tahun 2018.



Carta 7 : Pencapaian Kerjasama Industri bagi Tahun 2018

BIL	ILJTM	SYARIKAT/AGENSI	SKOP KERJASAMA
1	JTM	Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd. (MDEC)	Pelaksanaan Program eUSAHAWAN di ILJTM
2	JTM	Gamuda Berhad	Program Peneraju Skil Iltizam Tunnelling Crew dan Juruteknik Pengeluaran <i>Industrialized Building System (IBS)</i>
3	JTM	Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB)	Program Peneraju Skil Iltizam Tunnelling Crew di ADTEC Kemaman, ILP Pedas, ILP K. Samarahan & ILP K. Kinabalu
4	JTM	Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB)	Program Peneraju Skil Iltizam Juruteknik Pengeluaran IBS di ILP Kuala Terengganu
5	JTM	Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS)	Program Bantuan Teknikal dan Latihan Vokasional PETRONAS di ILP Mersing dan ILP Pasir Gudang
6	JTM	MDC Oil And Gas (SK 320) Ltd	<i>MP Malaysia Sponsorship Programme For The Advance Technology Centre (ADTEC) Bintulu, Sarawak</i>
7	ADTEC Shah Alam	Malindo Airways Sdn Bhd	<i>Training Agreement</i>
8	ADTEC Shah Alam	Mydin Mohamed Holdings Bhd (MMHB)	Latihan Kemahiran Teknikal Dalam Bidang Elektrikal, Penyejukbekuan & Penyamanan Udara Dan Kimpalan

BIL	IJTM	SYARIKAT/AGENSI	SKOP KERJASAMA
9	ADTEC Batu Pahat	Terreal Malaysia Sdn. Bhd.	Latihan Kemahiran Dalam Bidang Mekanikal, Elektrikal, Dan Elektronik Dan ICT
10	ADTEC Batu Pahat	EIK Engineering Sdn Bhd	Latihan Kemahiran Dan Pembangunan Sumber Manusia Dalam Bidang Teknologi Kimpalan
11	ADTEC Batu Pahat	ZAR Lynx Sdn Bhd	Latihan Kemahiran Dan Pembangunan Sumber Manusia Dalam Bidang Teknologi Minyak Dan Gas
12	ADTEC Kemaman	Feiran Technology Sdn Bhd	Program Persijilan Profesional CATIA
13	ADTEC Kemaman	MM Matrix Integrity (M) Sdn Bhd	Latihan Kemahiran Dan Persijilan Professional Dalam Bidang Underwater Welding
14	ADTEC Kemaman	Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor (KPYPJ) Sdn Bhd	Latihan Berdasarkan Keperluan Kompetensi Dan Profesional Dalam Bidang Teknologi Elektrik Kuasa Dan Teknologi Instrumentasi
15	ADTEC Kemaman	Upstream Downstream Process & Services Sdn Bhd	Latihan Dalam Bidang Penyenggaraan Mekanikal (Minyak & Gas)
16	ADTEC Kemaman	Feiran Technology Sdn Bhd	Program Persijilan Profesional CATIA
17	ADTEC Kemaman	Bindin Sealand Sdn Bhd	Latihan Kemahiran Dalam Bidang <i>Commercial Diving</i>
18	ADTEC Kemaman	Didaktik Engineering Werks Sdn Bhd	Latihan Profesional Dalam Bidang Instrumentasi (Minyak & Gas)
19	ADTEC Kulim	Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC)	Latihan Kemahiran Dan Pembangunan Sumber Manusia Dalam Bidang Teknologi Mekatronik Dan Dalam Bidang Teknologi Pemesinan
20	ADTEC Jerantut	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	Program Pembangunan Sumber Manusia, Perkongsian Penyelidikan Dan Pembangunan Produk Inovasi
21	ILP Kuala Lumpur	Spanco Services Sdn Bhd	Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Dalam Bidang <i>Automotive After Sales Servicing</i> (Tahap 2) Di ILP Kuala Lumpur
22	ILP Kota Kinabalu	BHIC Submarine Engineering Services Sdn Bhd	Latihan Kemahiran Teknikal Berkaitan Bidang Elektrikal, Mekanikal, Elektronik,kerja-kerja Logam Dan Kimpalan
23	ILP Kepala Batas	Acson Malaysia Sales & Service Sdn Bhd	Pembangunan Dan Latihan Kemahiran Bagi Teknologi Refrigeran R32 Serta Sistem Penyamanan Udara
24	ILP Kepala Batas	Topaire Sales & Services Sdn Bhd	Pembangunan Dan Latihan Kemahiran Bagi Teknologi VRF Serta Sistem Penyamanan Udara

Jadual 10 : Memorandum Persefahaman (MoU)/Perjanjian yang telah ditandatangani sepanjang tahun 2018

# KISAH KEJAYAAN KERJASAMA STRATEGIK JABATAN TENAGA MANUSIA BERSAMA GAMUDA BERHAD DAN YAYASAN PENERAJU PENDIDIKAN BUMIPUTERA

Jabatan Tenaga Manusia bersama Gamuda Berhad dan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera telah berkerjasama bagi dua program perantisan iaitu Skil Iltizam *Tunneling (Tunnel Crew, Erector Operator and Assistant Mechanic)* dan Skil Iltizam Juruteknik Pengeluaran *Industrialised Building System (IBS)*. Melalui kerjasama ini, program *Tunnelling* dilaksanakan di 4 buah Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) iaitu ADTEC Kemaman, ILP Pedas, ILP Kota Samarahan dan ILP Kota Kinabalu manakala program IBS pula dilaksanakan di ILP Kuala Terengganu.

Pelatih yang berjaya menamatkan latihan dalam program *Tunnelling* dianugerahkan dengan persijilan antarabangsa City & Guilds (UK) iaitu *Basic Skills Foundation Certificate in Basic Engineering Skills, Skills Proficiency Awards in Basic Fabrication, Welding and Pipework* dan *Skills Proficiency Awards in Plant Maintenance*. Pada tahun 2018, Skil Iltizam *Tunneling* telah berjaya melatih seramai 148 pelatih dan 102 daripada mereka telah ditawarkan pekerjaan sebagai krew pembinaan Projek Terowong MRT2 di sekitar Lembah Kelang. Melalui program ini juga, terdapat pelatih yang mencapai gaji bulanan sebanyak RM4,606.00 iaitu melebihi sasaran gaji minimum program iaitu RM1,500.00.

Mankala, program peneraju Skil Iltizam Juruteknik Pengeluaran IBS pula menyediakan peluang kepada pelatih untuk bekerja dalam bidang pembinaan pasang siap yang digunakan secara meluas di negara-negara maju kerana kaedah ini membolehkan komponen-komponen binaan dihasilkan di dalam kilang dalam persekitaran terkawal dan dihantar ke tapak pembinaan untuk dipasang menjadi struktur bangunan dengan tenaga kerja yang minimum. Pelatih program ini dianugerahkan dengan *Certificate of Achievement* oleh JTM, Gamuda Bhd dan Yayasan Peneraju. Seramai 147 pelatih telah berjaya mengikuti program ini dan 142 orang telah ditawarkan bekerja di Kilang Gamuda IBS, Sepang. Melalui program ini juga, terdapat pelatih yang mencapai gaji RM3,253.26 melebihi sasaran gaji minimum iaitu RM1,500.00.

Program-program perantisan TVET yang ditawarkan untuk tempoh 2018 hingga 2019 ini bukan sahaja membolehkan kemahiran spesifik kepada pekerjaan dapat dikuasai dalam tempoh yang singkat, malah pelatih berjaya mendapat gaji yang tinggi melebihi gaji minimum yang disasarkan. Ini membuktikan kerjasama program khas antara Jabatan Tenaga Manusia bersama pembiaya dan industri dapat menghasilkan pekerja mahir yang boleh memasuki pasaran pekerjaan dalam tempoh yang lebih cepat.



Nama peserta ialah Muhammad Zainalariffin bin Che Zakaria, berumur 20 tahun dan merupakan anak ke lima dari enam orang adik beradik. Beliau berasal dari Marang, Terengganu.



**MUHAMMAD ZAINALARIFFIN  
BIN CHE ZAKARIA**

Sebelum menyertai program ini, beliau tidak bekerja dan hanya membantu ayahnya menoreh getah sekali-sekala dan tidak mempunyai pendapatan tetap. Beliau datang dari keluarga yang agak susah kerana bapa beliau hanya bekerja sebagai penoreh getah manakala ibunya tidak bekerja.

Jawatan semasa beliau ialah Technician – Production (Shuttering Robot Division) di Gamuda IBS Sdn Bhd, Sepang. Manakala pendapatan beliau sekarang sekitar tiga ribu lebih dengan gaji selepas enam bulan pemantauan pekerjaan iaitu untuk bulan November sebanyak RM2,998.57.

Beliau amat bersyukur kerana berjaya dipilih menyertai program ini dan telah dapat membantu keluarga terutama dalam aspek ekonomi.

Nama peserta ialah Muhamad Shukrillah bin Omar, berumur 23 tahun dan merupakan anak ke empat dari empat orang adik beradik. Bapa beliau merupakan Pengurus Pusat Operasi FAMA, Chendering dan ibunya bekerja sebagai Pembantu Tadbir di RISDA Terengganu. Beliau berasal dari Kuala Berang, Terengganu.

Sebelum menyertai program ini, beliau bekerja sebagai pembantu kedai di sebuah kedai runcit dan berpendapatan sekitar RM800.00 – RM850.00 sebulan. Walaupun berasal dari keluarga yang bukanlah susah, namun masa depan beliau kurang memberansangkan sebelum menyertai program ini. Namun setelah menyertai program ini, beliau menjadi kebanggan keluarga kerana berjaya menjadi seorang Juruteknik di sebuah syarikat pembinaan yang terbesar di Malaysia terutamanya dalam bidang pembinaan pasang siap IBS.

Beliau berjaya membuktikan kepada ibu dan ayahnya bahawa beliau juga mampu berjaya seperti anak muda lain. Manakala pihak syarikat, iaitu Gamuda IBS Sepang memberikan maklum balas yang amat baik terhadap beliau. Syarikat telah memaklumkan kepada Pihak ILP Kuala Terengganu bahawa beliau adalah salah seorang peserta yang mempunyai prestasi kerja amat baik dan seorang yang cepat belajar dalam mengendalikan mesin-mesin di bahagian beliau ditempatkan.

Jawatan semasa beliau ialah Technician – Production (Power Floating Division) di Gamuda IBS Sdn Bhd, Sepang. Manakala pendapatan beliau sekarang sekitar tiga ribu lebih dengan gaji selepas enam bulan pemantauan pekerjaan iaitu untuk bulan November sebanyak RM3,253.36.

**MUHAMAD SHUKRILLAH BIN OMAR**



# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN JTM

## WORLD SKILLS COMPETITION (WSC) 2019

World Skills Competition (WSC) yang dulunya dikenali sebagai Skills Olympics telah diadakan bermula di Sepanyol semenjak tahun 1946. Malaysia mula menyertai WSC pada tahun 1993, iaitu pada WSC yang ke 32. WSC 2019 merupakan edisi ke-45 yang akan diadakan di Kazan, Rusia pada Ogos 2019.

JTM akan menggalas tanggungjawab untuk membawa cabaran negara ke World Skills Competition 2019 dimana satu-satunya peserta ILJTM yang layak selepas sesi saringan adalah pelajar daripada bidang *Wall & Floor Tiling*, ILP Kuala Terengganu iaitu Che Wan Mohamad Ameirwan bin Che Wan Md. Amin.

Beliau bersama 30 peserta Malaysia daripada institusi atau agensi lain telah terpilih bagi mewakili negara pada WSC 2019 ini. Semoga kejayaan mengiringi beliau dan peserta Malaysia yang lain.

#ROADTOKAZAN



1

Pelajar ILP  
KUALA  
TERENGGANU  
terpilih mewakili  
negara ke WSC  
2019

A large banner for the "Road to WorldSkills Competition Kazan 2019". It features the Malaysian coat of arms at the top left, followed by the text "MAJLIS PELANCARAN" and "ROAD TO WORLD SKILLS COMPETITION KAZAN 2019". Below this, it says "DISEMPURNAKAN OLEH DATO' SERI DR WAN AZIZAH WAN ISMAIL TIMBALAN PERDANA MENTERI". To the right, there is a photo of a group of people in blue shirts, a "Go for Gold" slogan, and the "worldskills Kazan 2019" logo. Logos for JPK and world skills Malaysia are also present.

## ASEAN SKILLS COMPETITION (ASC) 2018

Malaysia telah menyertai sebanyak 11 kali ASEAN Skills Competition (ASC) sejak 1995. Pertandingan kemahiran yang dianjurkan setiap dua tahun sekali ini merupakan program kerjasama antara negara-negara anggota ASEAN dalam usaha meningkatkan kemahiran dan kompetensi belia dan pekerja yang bertaraf dunia. Pertandingan ini dianjurkan secara bergilir-gilir di kalangan negara ASEAN.

ASC 2018 telah diadakan di Bangkok, Thailand pada 26 Ogos 2018 hingga 5 September 2018. Seramai lapan (8) orang peserta ILJTM yang terpilih untuk mewakili negara dalam bidang *Wall & Floor Tiling*, *Welding*, *Joinery*, *Mechatronics* dan *CNC Maintenance*. JTM telah berjaya memenangi satu (1) pingat gangsa dan dua pingat kecemerlangan (*Medallion For Excellence*) iaitu seperti berikut:

**11**

penyertaan  
Malaysia sejak  
1955

**8**

peserta ILJTM  
mewakili negara  
pada ASC 2018



Bil.	Nama	ILJTM	Bidang	Pingat
1.	Che Wan Mohamad Ameirwan Bin Che Wan Md Amin	ILP Kuala Terengganu	<i>Wall &amp; Floor Tiling</i>	Gangsa
2.	Mohd Fikri Bin Ridzuan	ILP Bukit Katil	<i>Welding</i>	<i>Medallion for Excellence</i>
3.	Muhammad Izzul Syahmi Bin Mohd Robi	ILP Kuala Terengganu	<i>Joinery</i>	<i>Medallion For Excellence</i>

Jadual 11 : Senarai pemenang ASC 2018 Bangkok, Thailand

## PERTANDINGAN WORLD SKILL MALAYSIA BELIA (WSMB) 2018

Pertandingan WorldSkills Malaysia Kategori Belia (WSMB) atau pernah dikenali sebagai Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) adalah satu pertandingan kemahiran yang diadakan pada setiap tahun bertujuan untuk memilih dan mengiktiraf belia dan pekerja mahir yang mempunyai kemahiran yang unggul. Hampir sebanyak 30 bidang kemahiran yang telah dipertandingkan dan dianjurkan secara bersama oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Kerja Raya (KKR).

Pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan ini telah dianjurkan sejak tahun 1991 dan merupakan ilham dari Perdana Menteri Malaysia ke-4, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Pendaftaran untuk penyertaan adalah dibuka awal tahun setiap bulan Januari secara pendaftaran atas talian.

Bagi edisi WSMB 2018, seramai 10 peserta ILJTM yang layak ke peringkat akhir. ILJTM telah berjaya memenangi 1 pingat Perak, 1 pingat Gangsa dan 5 pingat kecemerlangan. Senarai pemenang adalah seperti berikut :-

Bil.	Nama	ILJTM	Bidang	Pingat
1.	Muhammad Firdaus bin Azmy	ILP Kuala Terengganu	<i>Joinery</i>	Perak
2.	Mohamad Khairil Aiman bin Mahadi	ILP Kuala Terengganu	<i>Plumbing &amp; Heating</i>	Gangsa
3.	Muhammad Mustaqim bin Mustadza	ILP Perai	<i>Automobile</i>	Kecemerlangan
4.	Muhammad Rafiqi bin Mohd Daruwis	ILP Kota Bharu	<i>Cabinet Making</i>	Kecemerlangan
5.	Muhammad Harriz Saifful bin Rozaimy	ADTEC Shah Alam	<i>Mechatronics</i>	Kecemerlangan
6.	Mohamad Ku Badri Irfan bin Ahmad Rudy	ADTEC Shah Alam	<i>Mechatronics</i>	Kecemerlangan
7.	Mohamad Syahreel Izham bin Mohamad Zu	ILP Kuala Terengganu	<i>Bricklaying</i>	Kecemerlangan

Jadual 12 : Senarai pemenang WSMB 2018



# PERTANDINGAN WORLD SKILL MALAYSIA PENGAJAR (WSMP) 2018

Pertandingan WSMP atau pernah dikenali sebagai MySkills adalah pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan yang dianjurkan kepada tenaga pengajar/pensyarah TVET bertujuan untuk mengiktiraf tenaga pengajar yang mempunyai tahap kekompetenan dalam sesuatu bidang kemahiran. Pertandingan ini dianjurkan sepenuhnya oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

Untuk WSMP 2018 ini, seramai 11 orang peserta ILJTM yang layak ke peringkat akhir. ILJTM telah berjaya merangkul satu (1) pingat Emas, satu (1) pingat Gangsa dan tiga (3) pingat kecemerlangan. Peserta dari ILP Jitra, En. Mohd Alim Bin Nulhakim telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2018 Kategori Pengajar. Senarai pemenang adalah seperti berikut :-

Bil.	Nama	ILJTM	Bidang	Pingat
1.	Mohd Alim bin Nulhakim	ILP Jitra	<i>Electrical Installations</i>	Emas & Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2018
2.	Anuar bin Rozalley	ILP Jitra	<i>Electrical Installations</i>	Gangsa
3.	Muhd Rizal Bin Isa	ILP Jitra	<i>Electrical Installations</i>	Kecemerlangan
4.	Nor Hasfuat Bin Abdul Rahman	ILP Nibong Tebal	<i>Graphic Design Technology</i>	Kecemerlangan
5.	Muhamad Kamal Bin Zainol	ILP Jitra	<i>Refrigeration &amp; Air Conditioning</i>	Kecemerlangan

Jadual 13 : Senarai pemenang WSMP 2018



## PERTANDINGAN ITEX 2018



Penyertaan ILJTM dalam Pertandingan dan Pameran Inovasi, Rekacipta & Teknologi Peringkat Antarabangsa bertujuan untuk menaikkan motivasi para pengajar dalam merekacipta sesuatu projek yang inovatif dan terkini. Projek yang telah dicipta oleh pengajar-pengajar ILJTM secara tidak langsung diiktiraf oleh badan antarabangsa melalui pertandingan ini sekaligus menaikkan dan mengharumkan nama JTM khasnya dan Kementerian amnya.

Tahun ini merupakan tahun yang ke 11, JTM menyertai pertandingan berprestij iaitu 29th *International Invention, Innovation And Technology Exhibition* (ITEX). Pertandingan ini telah diadakan pada 10 hingga 12 Mei 2018 yang lalu di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) yang dianjurkan oleh MINDS (*Malaysia Invention and Design Society*). JTM telah memperoleh kejayaan yang amat membanggakan dengan merangkul pingat Emas sebanyak 5 projek, 1 projek pingat Perak dan 2 projek pingat Gangsa.

BIL	NAMA PROJEK	ILJTM	PENCAPAIAN
1	NEW TECHNOLOGY DEVICE FOR DAMPING AND VIBRATION PROTECTION SYSTEM (J-TECH)	ADTEC Kulim	Emas & Best Invention
2	AUTO TECH GENERATE V2.0	ADTEC Melaka	Emas
3	DETECTOR OF CARBON MONOXIDE GAS IN VEHICLE (DeCOV)	ADTEC Kemaman	Emas
4	EASY POWER CLAMP	ILP Kota Bahru	Emas
5	WELDER ARM V2.0	ILP Miri	Emas
6	SATEPORTREE	ILP Ipoh	Perak
7	MULTI-LINE ACRYLIC BENDING (M-LINE ACRYBEND)	ADTEC Jerantut	Gangsa
8	DUAL APPLICATIONS COMPOSITE STRETCHER	ADTEC Taiping	Gangsa

Jadual 14 : Senarai pemenang ITEX 2018





ADTEC Melaka dan ILP Miri telah mewakili JTM bagi menyertai *Seoul International Invention Fair (SIIF 2018)* pada 6 hingga 9 Disember 2018 di Seoul, Korea. Projek yang dipertandingkan ialah *Auto Tech Generate V2.0* (ADTEC Melaka) dan *Welder Arm V1.0* (ILP Miri) yang telah berjaya mendapat pingat EMAS dan *Special Award* yang diberikan oleh Delegasi Rusia.

Ini merupakan satu pengiktirafan kepada tenaga pengajar teknikal dan vokasional Malaysia di peringkat dunia dan secara tidak langsung mengharumkan nama Negara, meningkatkan imej Kementerian serta memartabatkan lagi TVET Malaysia di peringkat antarabangsa.

BIL	ILJTM	NAMA PROJEK INOVASI	PENCAPAIAN
1.	ADTEC Melaka	<i>Auto Tech Generate V2.0</i>	EMAS
2.	ILP Miri	<i>Welder Arm V1.0</i>	EMAS dan <i>Special Award</i> yang diberikan oleh Delegasi Rusia

Jadual 15 : Senarai pemenang SIIF 2018



## **PERTANDINGAN ROBOT PERINGKAT KEBANGSAAN**

TVET Malaysia Robot Competition (TVET MRC) 2018 merupakan pertandingan robotik anjuran Jabatan Tenaga Manusia (JTM) untuk kali ke 2. Telah dijalankan selama 3 hari iaitu pada 21 hingga 23 Mac 2018 di PWTC, Kuala Lumpur. Acara tahunan ini telah memperlihatkan peningkatan jumlah penyertaan berbanding TVET MRC 2017.

Sebanyak 156 pasukan telah menyertai TVET MRC 2018 dalam 4 kategori berbeza. Antara kategori yang dipertandingkan semasa TVET MRC 2018 adalah:

- a. Roborumblez
- b. Autonomous Sumo Robot
- c. Line Followin Robot (Terbuka)
- d. Line Following Robot (Sekolah)

TVET MRC 2018 menawarkan hadiah wang tunai dan trofi kepada pemenang-pemenang. Pertandingan sengit selama 3 hari tersebut berakhir dengan keputusan seperti berikut:

### **Roborumblez**

Johan  
Naib Johan  
Tempat ke 3

- Pasukan Brongkos dari Dusun Tua Robotic Club
- Pasukan INTRIP A dari ILP Perai
- Pasukan Herobotic dari IKTBN Bukit Mertajam

### **Autonomous Sumo Robot**

Johan  
Naib Johan  
Tempat ke 3

- Pasukan ADTEC Melaka A dari ADTEC Melaka
- Pasukan Phantom 2 dari SMK Bukit Mewah
- Pasukan Jebat Auto 1 dari ILP B.Katil

### **Line Following Robot (Terbuka)**

Johan  
Naib Johan  
Tempat ke 3

- Pasukan Coqodoq dari Sintok Robo
- Pasukan Scorp LF 1 dari ILP Pasir Gudang
- Pasukan Scorp LF 2 dari ILP Pasir Gudang

### **Line Following Robot (Sekolah)**

Johan  
Naib Johan  
Tempat ke 3

- Pasukan SMK Pengkalan Aur
- Pasukan SK King George V
- Pasukan SMK Seri Puteri Cyberjaya

Persaingan sengit pada TVET MRC 2018 menunjukkan peningkatan setiap peserta dalam menguasai teknologi robotik disamping teknologi terbaru yang diadaptasikan dalam rekabentuk robot pasukan masing-masing. Diharapkan prestasi ini akan terus meningkat bagi pembangunan teknologi robotik di Malaysia.




**BE** INSPIRED,  
EXTRAORDINARY,  
WORLD CLASS with **TVET**

# KAJIAN PENYELIDIKAN

## KAJIAN PENGESANAN GRADUAN (TRACER STUDY) ILJTM TAHUN 2018

Jabatan Tenaga Manusia mula menjalankan kajian pengesanan graduan secara atas talian (e-Tracer Study) pada tahun 2012. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah bagi mengesan pelajar lepasan ILJTM dan seterusnya mengukur tahap keberkesanan keluaran yang dikeluarkan oleh ILJTM iaitu sama ada bekerja, melanjutkan pengajian, masih aktif mencari pekerjaan atau pernah menerima tawaran bekerja. Kajian ini juga dilakukan untuk melihat dan menilai sejauh mana keberkesanan kursus-kursus yang dijalankan di ILJTM. Tumpuan kajian adalah kepada graduan sepenuh masa peringkat sijil dan diploma yang terlibat dalam Majlis Konvokesyen ILJTM kali ke 23. Seramai 7,158 responden daripada 7,604 graduan 2018 telah mengisi kaji selidik pada tahun 2017 dengan memberi kadar respons sebanyak 94.2%. Hasil daripada kajian ini dijangka dapat dijadikan input bagi perancangan kursus-kursus baru atau penambahbaikan terhadap kursus-kursus sedia ada di ILJTM. Ringkasan penemuan daripada kajian ini adalah seperti berikut:-



1,142	Menyambung Pelajaran
458	Sedang Mencari Pekerjaan
709	Pernah Menerima Tawaran
4,849	Bekerja


Carta 8: Kajian Pengesanan Graduan ILJTM Tahun 2018

Bagi tahun 2018, JTM mencatat peratus kebolehkerjaan (bekerja, menyambung pelajaran & pernah menerima tawaran) sebanyak

**90.09%**

## KAJIAN LATIHAN INDUSTRI

Kajian Penilaian Latihan Industri (LI) dijalankan bagi mengenalpasti tahap kepuasan majikan terhadap pelajar ILJTM yang menjalani Latihan Industri di premis mereka. Bagi kajian tahun 2018, 32 ILJTM telah memperolehi maklumbalas daripada pihak majikan semasa sesi lawatan dibuat oleh pengajar ILJTM. Daripada data diterima, keputusan keseluruhan maklumbalas adalah seperti berikut:-



Carta 9 : Peratus Kajian Penilaian Latihan Industri 2018


Secara keseluruhan, pelajar-pelajar ILJTM yang menjalani latihan industri mencapai tahap penilaian 85.92% (tahap cemerlang dan baik) yang mana berdasarkan daripada analisa yang telah dibuat ini menunjukkan pelajar ILJTM mempunyai peluang yang cerah untuk diterima oleh majikan apabila keluar mencari pekerjaan kelak. Ini diharap dapat membantu meningkatkan peratus kebolehkerjaan graduan ILJTM di masa akan datang. Secara keseluruhan, seramai 1595 orang pelajar ILJTM memberikan kerjasama yang baik dengan pihak majikan berdasarkan prestasi mereka yang dinilai semasa menjalani latihan industri.

**BE** INSPIRED,  
EXTRAORDINARY,  
WORLD CLASS with **TVET**

## SISTEM PENGURUSAN PENILAIAN PENGAJAR (SPePL)

Kajian Penilaian Kursus dan Pengajar atau dahulunya dikenali sebagai Kajian Key Performance Indicator (KPI) merupakan aktiviti tahunan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Ibu Pejabat JTM. Tujuan kajian ini diadakan adalah untuk menilai tahap kepuasan pelajar terhadap objektif kursus yang diikuti, peningkatan pengetahuan dan kemahiran, program latihan, kemudahan yang disediakan dan kaedah penyampaian pengajar. Satu Sistem Pengurusan Penilaian Latihan (SPePL) telah dibangunkan bagi memudahkan pelajar membuat penilaian terhadap pengajar dan program latihan yang dijalankan di institut berkaitan.

Daripada hasil kajian yang dijalankan didapati peratusan pelanggan / responden yang berpuas hati dengan latihan yang diberikan oleh pengajar, kemahiran dan pengetahuan yang diperolehi serta kemudahan yang disediakan oleh institut latihan adalah sebanyak 85% bagi sesi penilaian bulan Mac dan September 2018. Majoriti pelajar juga memberikan penilaian yang sangat baik iaitu 4.28 kepada pengajar yang mengajar mereka. Segala dapatan daripada kajian ini boleh digunakan oleh pengurusan tertinggi Jabatan untuk mengawal, memantau dan memperolehi gambaran prestasi setiap individu dalam menjamin kredibiliti dan meningkatkan kualiti latihan. Skala Penilaian adalah seperti berikut:



Carta 10: Pencapaian ILJTM dalam SPePL 2018

**INTEGRITY  
DEVELOPMENT  
JUSTIFICATION  
COMPETITIVENESS  
COMPETENCY**

**WHAT A GREAT COMBINATION THAT WE HAVE!**

# PENGURUSAN SUMBER MANUSIA


## LAPORAN PERJAWATAN JTM

Sehingga Disember 2018, pengisian jawatan di JTM telah mencapai 88.47% iaitu sebanyak 3109 jawatan telah diisi daripada 3514 perjawatan. Maklumat peratus pengisian perjawatan di JTM bagi tahun 2018 adalah seperti di Jadual 16 dan pecahan jumlah pengisian mengikut Kumpulan Jawatan di JTM bagi tahun 2018 adalah seperti di Carta 11.

Bil.	Kumpulan Jawatan	Jumlah Perjawatan	Jumlah Pengisian	Peratus Pengisian (%)
1	Pengurusan Tertinggi	2	2	100
2	Kumpulan Pengurusan & Profesional	984	843	85.67
3	Kumpulan Pelaksana	2528	2264	89.56
<b>JUMLAH</b>		<b>3514</b>	<b>3109</b>	<b>88.47</b>

Jadual 16 : Jadual Peratus dan Jumlah Pengisian Perjawatan Jabatan Tenaga Manusia Tahun 2018

## JUMLAH PENGISIAN PERJAWATAN PADA TAHUN 2018



Carta 11 : Pecahan Jumlah Pengisian Jawatan mengikut Kumpulan Jawatan di JTM bagi Tahun 2018


# PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS

## PRESTASI BELANJA MENGURUS 2018

Pada tahun 2018 peruntukan yang telah diluluskan adalah berjumlah RM 343,904,100.00 untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti Jabatan dalam melahirkan tenaga mahir bagi memenuhi keperluan industri.

Sehingga Disember 2018, Jabatan telah membelanjakan sejumlah 89.04% peruntukan.

**PRESTASI PERBELANJAAN 2018**



Carta 12 : Pecahan Prestasi Perbelanjaan 2018 Mengikut Bulan Pada Tahun 2018



# TEKNOLOGI MAKLUMAT (ICT)

## PENCAPAIAN TRAINING MANAGEMENT SYSTEM (TMS) DI JTM

Cawangan Teknologi Maklumat sentiasa memantau tahap pencapaian penggunaan sepenuhnya dalam memastikan penjanaan statistik maklumat sentiasa telus dan tepat dalam *Training Management System* (TMS). Modul-modul yang sentiasa dipantau adalah Modul *Student*, Modul *Training*, Modul *Staff*, Modul *Library* dan Modul *Accommodation* yang merupakan modul utama dimana tahap pencapaian kesemua modul tersebut adalah 100%.

**Statistik Pemantauan Maklumat  
Training Management System (TMS) di JTM**




Carta 13 : Statistik TMS JTM Tahun 2018

## PENCAPAIAN PENGGUNAAN E-MEL MYGOVUC DI ILJTM

Pelaksanaan e-mel MyGovUC di Jabatan telah dilaksanakan dengan sempurna pada tahun 2013. Sehingga Disember 2018, penggunaan e-mel pengguna adalah amat memuaskan dan pemantauan secara berterusan dari Pasukan e-mel Jabatan dilakukan secara berkala bagi memastikan perkhidmatan e-mel MyGovUC dapat digunakan dengan sebaiknya oleh pengguna. Statistik penggunaan e-mel MyGovUC sangat memberangsangkan dengan tahap penggunaan perkhidmatan sebanyak 99.99%.

**STATISTIK PENGGUNA AKTIF EMEL MyGOVUC ILJTM**



Carta 14 : Statistik Emel MyGovuc JTM Tahun 2018

## **PERTANDINGAN HACKATHON APLIKASI MUDAH ALIH 2018**

Pertandingan Hackathon Aplikasi Mudah Alih yang dianjurkan oleh MAMPU telah diadakan pada ketetapan seperti berikut di bawah:

**Nama pertandingan: Hackathon Aplikasi Mudah Alih 2018**

**Tarikh: 9-10 Oktober 2018 (48jam)**

**Anjuran: MAMPU**

**Bilangan pasukan: 4 org**

**Aplikasi Mudah Alih yang dibangunkan = MyTMS**

Maklumat pertandingan :

Peserta perlu menyiapkan aplikasi mudah alih dalam masa 24jam. Pasukan Diamond Head seramai 4 orang telah berjaya menyiapkan prototaip aplikasi mudah alih MyTMS dalam masa tersebut.

Pasukan Diamond Head dari JTM telah mendapat tempat ke-5 di dalam Pertandingan Hackathon Aplikasi Mudah Alih 2018 yang dianjurkan MAMPU pada 9-10 Oktober 2018 di Cyberjaya.



Keputusan pertandingan bagi 10 pasukan terbaik telah diumumkan di dalam Persidangan Public Sector CIO Convex (PSCC) 2018 yang berlangsung di Tabung Haji Convention Centre, Sepang pada 13 November 2018. Tahniah kepada pasukan yang berjaya!!!

## **ANUGERAH PORTAL TERBAIK KSM**

Portal Jabatan Tenaga Manusia telah dianugerahkan Portal Terbaik KSM bagi tahun 2018. Penyampaian anugerah telah diadakan pada Hari ICT KSM bertarikh 25 Oktober 2018 bertempat di Dewan Serbaguna KSM. Anugerah telah disampaikan oleh YBrs. Tuan Lim Eng Hock, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) merangkap Ketua Pegawai Maklumat (CIO) KSM. Tahniah diucapkan kepada pasukan Portal JTM kerana telah menyediakan portal yang terbaik untuk pengguna mendapatkan maklumat mengenai Jabatan dan Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia.



## MESYUARAT PENTADBIR ICT ILJTM

Mesyuarat Pentadbir ICT ILJTM bagi Tahun 2018 telah diadakan dengan jayanya pada 12-14 September 2018 bertempat di Hotel Avillion, Port Dickson.

Mesyuarat bersepadu ini membincangkan isu-isu ICT ILJTM disamping mengadakan bengkel-bengkel Teknikal TMS, Portal, Rangkaian & Keselamatan, E-mel dan Team Building. Mesyuarat Pentadbir ICT ILJTM ini telah menjadi satu arena perjumpaan di kalangan Pentadbir ICT untuk bertukar pandangan, pendapat, mendapatkan penyelesaian isu-isu berkaitan ICT dan sebagainya, disamping dapat mengeratkan silaturrahim antara pentadbir melalui Sesi Team Building yang diadakan.

Mesyuarat Pentadbir ICT ILJTM yang telah dihadiri oleh 72 orang Pentadbir ICT ILJTM dan Cawangan Teknologi Maklumat JTM telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah JTM. Di dalam ucap tama Datuk KP kepada semua Pentadbir ICT antaranya memaklumkan mengenai kepentingan ICT di ILJTM sebagai salah satu alat untuk menyokong aktiviti pembelajaran dan pengajaran di ILJTM. Peranan pentadbir ICT sangat penting di dalam meningkatkan prasarana dan infrastruktur ICT ILJTM dan juga pentingnya kerjasama di antara pentadbir ICT di dalam pertukaran maklumat dan kepakaran dalam bidang masing-masing bagi meningkatkan kompetensi di tempat kerja. Mesyuarat bersepadu selama 3 hari 2 malam ini telah berjaya mendapatkan input bagi meningkatkan kerjasama di antara pentadbir ICT ILJTM dan Cawangan Teknologi Maklumat JTM secara keseluruhannya, sekaligus dapat meningkatkan mutu perkhidmatan ICT Jabatan.




# PEMBANGUNAN

**PEMBANGUNAN DAN PENAMBAHBAIKAN** infrastruktur dan peralatan ILJTM adalah faktor utama penyumbang kepada penjagaan kualiti latihan dan keluaran pelajar.

## PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN P46

Sebanyak RM16,584,750.00 telah diluluskan oleh kementerian untuk perlaksanaan projek-projek pembelian peralatan, menaik taraf & memulihara infrastruktur, menaik taraf sistem kebakaran, pembayaran projek tambahan, pembinaan ILP Serian dan ILP Segamat. Namun sejumlah RM9,380,667.77 atau 56.56% sahaja yang telah dibelanjakan sehingga 31 Disember 2018 kerana terdapat beberapa buah projek yang dibatalkan dan ditangguhkan ke tahun 2019.

Peratusan Perbelanjaan Pembangunan



- 41% Perolehan Peralatan - 10 projek
- 0% Projek Tambahan (NOC) - 6 projek
- 6% Menaiktaraf sistem kebakaran - 1 projek
- 21% Menaiktaraf & memulihara - 14 projek
- 23% Penubuhan ILP Segamat - 1 projek
- 9% ILP Serian - 2 projek


Carta 15: Projek Pembangunan yang diluluskan bagi Tahun 2018

## PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS B46

Perbelanjaan mengurus di bawah seliaan Bahagian Pembangunan Kemahiran adalah meliputi kerja-kerja penyelenggaraan fizikal dan peralatan di setiap ILJTM dimana jumlah keseluruhan perbelanjaan adalah sebanyak RM11,111,309.73. Pecahan perbelanjaan untuk setiap wilayah pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

- i. Zon Utara - RM 4,298,492.80
- ii. Zon Tengah - RM 1,011,755.58
- iii. Zon Selatan - RM 2,082,585.89
- iv. Zon Pantai Timur - RM 2,176,903.06
- v. Zon Borneo - RM 1,541,572.40

Agihan Penyelenggaraan ILJTM Tahun 2018



Carta 16: Agihan Penyelenggaraan ILJTM Tahun 2018

## PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN TENAGA PENGAJAR

Bahagian Pembangunan Kemahiran (BPK), Jabatan Tenaga Manusia telah mengurus Program Pembangunan Kepakaran (Upskilling) Tenaga Pengajar TVET bertujuan untuk peningkatan kemahiran pengajar-pengajar ILJTM melalui pelaksanaan kursus-kursus teknikal. Sebanyak 93 kursus telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 melibatkan seramai 985 peserta dengan peruntukan yang diluluskan sebanyak RM1,875,000.00 dalam usaha bagi memastikan peningkatan dan penambahbaikan kualiti latihan.

Program ini diharapkan mampu untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan tenaga pengajar dan seterusnya dapat meningkatkan lagi kualiti tenaga mahir yang dikeluarkan oleh ILJTM.



Carta 17: Pencapaian Program Pembangunan Kepakaran (Upskilling) Tenaga Pengajar TVET Tahun 2018

## PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT)


Pendaftaran PPT pada tahun 2018 adalah seramai 665 orang dari kalangan pengajar ILJTM dengan sejumlah 1132 buah program yang dimohon dengan pecahan pada setiap tahap seperti berikut:

BILANGAN CALON	BILANGAN PROGRAM	BILANGAN PROGRAM MENGIKUT TAHAP (SKM, DKM, DLKM)				
		1	2	3	4	5
665	1132	29	220	489	252	142

Jadual 17 : Jadual Bilangan Program Mengikut Tahap melalui Pendaftaran PPT pada Tahun 2018

## **ANALISA KEPERLUAN LATIHAN PENGAJAR ILJTM MELALUI SISTEM eProfiling TAHUN 2018**

Seramai 2282 orang pengajar telah mendaftar dalam sistem eProfiling dan dalam Senarai Semakan Abiliti (ACL) menunjukkan terdapat 44 bidang kemahiran / profesional, 1 bidang pedagogi / sosial dan 1 bidang pengurusan / sokongan.



Carta 18 : Analisa Keperluan Latihan Pengajar ILJTM Melalui Sistem eProfiling Tahun 2018

# PEMBANGUNAN KURIKULUM & PENTAUMLAHAN

## Program Industrial Revolution 4.0

Pada 26-28 Februari 2018, satu bengkel kerja Program Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0) bagi bidang Automasi, Pembuatan, Elektronik dan Teknologi Maklumat (ICT) telah dilaksanakan untuk peserta-peserta dari ILJTM terlibat.

Bengkel ini diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada peserta berkenaan IR 4.0 untuk persediaan bagi pembangunan silibus kursus-kursus di ILJTM supaya seiring dengan perkembangan teknologi terkini.

Penceramah-penceramah jemputan bagi bengkel ini adalah dari *Malaysian Industry-Government Group for High Technology* (MIGHT), *German-Malaysia Institute* (GMI) dan *Japan-Malaysia Technical Institute* (JMTI).



## Program eUsahawan Muda

Modul *eENTREPRENEURSHIP* dibangunkan dengan kerjasama *Malaysian Digital Economic Corporation* (MDEC) di bawah program eUsahawan Muda yang mensasarkan kepada golongan belia di institusi TVET. Program ini bertujuan membudayakan keusahawanan digital dalam kalangan belia dan rakyat justeru turut merancakkan ekonomi negara.

Melalui modul ini, para pelajar ILJTM telah mempelajari ilmu dan kemahiran untuk membangunkan perniagaan dalam talian dan juga teknik-teknik pemasaran berkesan melalui platform digital seperti laman web, media-media sosial seperti Facebook dan Instagram serta kaedah 'Close Sales' menerusi aplikasi WhatsApp.



Pada tahun 2018, seramai 3,787 pelajar ILJTM telah berjaya memperolehi jualan hasil daripada perniagaan dalam talian seperti berikut:

1. JMTI - 221 pelajar, RM118,399.00
2. ADTEC - 987 pelajar, RM309,842.00
3. ILP - 2,579 pelajar, RM1,632,094.50

**BE** INSPIRED,  
EXTRAORDINARY,  
WORLD CLASS with **TVET**

# PUBLISITI


## PROGRAM PROMOSI JTM & LATIHAN KEMAHIRAN

Promosi latihan dijalankan bagi tujuan meningkatkan statistik bilangan pengambilan melalui pengambilan pelajar sepusat, pembelajaran sepanjang hayat (PSH) serta kesedaran kepada golongan sasar dengan dibantu semua Unit Promosi/ CESS ILJTM melalui beberapa kaedah dan pendekatan. Aktiviti-aktiviti promosi termasuk:

- i. Mempromosikan latihan kemahiran sepenuh masa di ILJTM ke golongan sasar serta kaedah pengambilan setempat melalui UPU;
- ii. Mempromosikan latihan kemahiran jangka pendek bagi peningkatan tahap kemahiran dan kerjaya kepada pekerja dan komuniti setempat;
- iii. Mempromosikan pelajar lepasan ILJTM kepada industri dengan mengadakan siri lawatan ke industri dan syarikat berkaitan;
- iv. Mempromosikan Alumni bagi jaringan lepasan ILJTM dengan menyalurkan maklumat, peluang kerjaya, keusahawanan dan pembiayaan;
- v. Memberi pendedahan kepada pelajar tahun akhir berhubung potensi diri, keusahawanan, peluang pekerjaan dan pembiayaan menerusi agensi KSM;
- vi. Memberi latihan pemasaran dan pendedahan kemahiran kepada jawatankuasa promosi ILJTM

Program promosi menerusi:

- Pengiklanan media cetak dan media elektronik
- Pameran sempena Program Kemahiran dan Karnival Kerjaya.
- Ceramah peluang latihan kepada pelajar sekolah dan komuniti setempat.
- Hebahan mengikut trend semasa seperti di media sosial, iklan di TV dan stesen radio.



Carta 19 : Pencapaian Promosi Tahun 2018





### **Faizal bin Yaakob**

Faizal bin Yaakob merupakan graduan ILP Kota Bharu di dalam bidang Teknologi Automotif. Sebaik menamatkan pengajian, beliau giat meningkatkan kemahiran sehingga diiktiraf sebagai Certified Maintenance Technician (CMT), Certified System Technician (CST), dan Certified Hybrid High Voltage (CHV) oleh pihak Mercedes-Benz. Beliau kini telah berjaya mengusahakan Faizal Motor Works, sebuah syarikat membaiki kenderaan berprestasi tinggi di Kota Bharu, Kelantan.



### **Micheal Likik Anak Engong**

Berbekalkan SKM Tahap 2 dalam bidang Teknologi Pemesinan CNC di ILP Kota Samarahan, Micheal Likik Anak Engong pernah bekerja di Heerema Marine Contractor (HMC) sebagai Machinist di atas kapal SSCV Hermod yang berpengkalan di Norway. Hasil kesungguhan yang ditunjukkan, beliau kini merupakan marine Machinist di syarikat SUBSEA 7 dan bekerja di atas kapal 7 Champion yang terlibat di dalam pelbagai projek fasiliti minyak dan gas di seluruh dunia.



### **Muhammad Aslam bin Lan**

Muhammad Aslam bin Lan telah mengikuti latihan di dalam bidang Teknologi Kimpalan di ILP Mersing dan memulakan kerjaya sebagai Assistant Welding Instructor di TWI Training & Examination Services Worldwide. Beliau kini bekerja di Serimax Welding & Services Sdn. Bhd sebagai seorang Welding Specialist, dan beliau sering dihantar oleh pihak syarikat untuk melakukan kerja-kerja kimpalan di dalam projek infrastruktur minyak dan gas berskala besar di luar negara.



### **Allan Chong Yuen Loong**

Allan Chong Yuen Loong merupakan graduan ILP Labuan di dalam bidang Teknologi Mekanik Industri. Sebaik menamatkan pengajian, beliau terus memulakan kerjaya di dalam industri minyak dan gas sebagai Workshop Assistant di Welltec Oilfield (M) Services Sdn. Bhd. yang berpengkalan di Labuan. Hasil kesungguhan dan kemahiran yang dimiliki, beliau kini bekerja di Perth, Australia sebagai Field Engineer di Welltec Oilfield Services Pty. Ltd.



### **Mohd Khalis bin Mohamad Lazi**

Berbekalkan SKM 2 dari ILP Pedas dan DKM dari ADTEC Shah Alam di dalam bidang Teknologi Kimpalan, Mohd Khalis bin Mohamad Lazi terus giat melengkapkan diri dengan pelbagai persijilan profesional seperti CSWIP 3.0 Visual Welding Inspector dan CSWIP 3.1 Welding Inspector. Beliau kini bekerja dengan Dialog Plant and Services Sdn. Bhd sebagai Piping Inspector dan terlibat dengan pembangunan projek RAPID Penggerang di Johor.



# LAPORAN TAHUNAN 2018

EDISI 2019

## PENAUNG

Datuk Muhd Khair Razman Bin Mohamed Annuar  
razman@mohr.gov.my

## PENASIHAT

Tn Hj Zaihan Bin Syukri  
zaihans@mohr.gov.my

## KETUA EDITOR

Cik Hjh Junita Mohamed Ali  
junita@mohr.gov.my

## EDITOR

Pn Intan Sharfinas Mohd Nasir intannasir@mohr.gov.my  
En Mohammad Azmi Jamaludin azmi.j@mohr.gov.my

## WAKIL BPP

Pn Rd Khairina Khirotdin rkhairina@mohr.gov.my  
En Helmi Ab Hamid helmi.ab@mohr.gov.my  
Pn Norhidayati Nordin nhidayati@mohr.gov.my  
Pn Nor Faizah Abdul Karim faizah.karim@mohr.gov.my

## WAKIL BKT

Cik Norlisa Rahmat lisa@mohr.gov.my  
En Mohd Azli Ariffin azli.ariffin@mohr.gov.my  
Pn Norfariza Kamaruddin fariza@mohr.gov.my  
Pn Azreen Zuriathy Abdul Halim azreen.z@mohr.gov.my  
Pn Norhafizah Baharuddin norhafizah.b@mohr.gov.my  
Pn Nurul Azreen Aziz azreen\_a@mohr.gov.my

## WAKIL BPL

En Noor Imran Mohamad imran@mohr.gov.my  
En Rostam Hamzah rostam.hamzah@mohr.gov.my  
En Mohd Syafiq Suhaimi m.syafiq@mohr.gov.my  
Pn Zeti Kasman zetikasman@mohr.gov.my

## WAKIL BPK

En Rostam Hashim rostam@mohr.gov.my  
Pn Rushazila Amir Nordin rushazila@mohr.gov.my

## WAKIL KEWANGAN

Pn Nik Normie Edayu Nik Him niknormie@mohr.gov.my

## WAKIL PSM

Pn Masrina Zainal masrina@mohr.gov.my

## WAKIL CTM

Cik Robiah Kamal robiah@mohr.gov.my

## KONSEP & IDEA

My Design Aid mydesignaid@gmail.com

TERIMA KASIH | ARIGATOU GOZAIMASU



**JABATAN TENAGA MANUSIA  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

ARAS 6, BLOK D4, KOMPLEKS D,  
PUSAT PENTADBIRAN PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
62530, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Tel: 03-8886 5555

Emel: [jtm@mohr.gov.my](mailto:jtm@mohr.gov.my)